



BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN HADRAH 2016

SEMPENA KARNIVAL SARAWAKIANA 2016
SARINGAN 1 (KANAK-KANAK): 15 OKTOBER 2016 (SABTU)
SARINGAN 2 (DEWASA): 22 OKTOBER 2016 (SABTU)
TEMPAT: GALERI, PUSTAKA NEGERI SARAWAK
AKHIR: 29 OKTOBER 2016 (SABTU)



Nama Kumpulan :				
Nama Pengurus : / Ketua Kumpulan			Nombor Telefon :	
Alamat :				
Nama Lagu :				
No.	Nama Peserta	No. Kad Pengenalan	Jantina	Umur
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				
14				
15				



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN HADRAH 2016

SEMPENA KARNIVAL SARAWAKIANA 2016

SARINGAN 1 (KANAK-KANAK) : 15 OKTOBER 2016 (SABTU)

TEMPAT: GALERI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

SARINGAN 2 (DEWASA) : 22 OKTOBER 2016 (SABTU)

TEMPAT: GALERI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

PERTANDINGAN AKHIR: 29 OKTOBER 2016 (SABTU)

MASA: 9.00 PAGI



**TARIKH TUTUP :
7 OKTOBER 2016**

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN:

1. Penyertaan adalah **PERCUMA** serta **TERBUKA** kepada semua yang berada di kawasan Kuching / Samarahan / Serian / Lundu / Sematan.
2. Penyertaan terhad kepada 20 kumpulan sahaja bagi setiap kategori.
3. Pertandingan melibatkan 2 kategori:
 - 3.1 Kanak-kanak (12 tahun dan ke bawah)
 - 3.2 Dewasa (13 tahun dan ke atas)
4. Tema bagi pertandingan hadrah sempena sambutan Karnival Sarawakiana 2016 ialah **Tradisi Kita Khazanah Kita** dan persembahan hendaklah berunsurkan irama syair berbahasa Melayu, Melayu Sarawak atau kombinasi salah satu darinya dengan bahasa Arab yang berkaitan dengan tema pertandingan.
5. Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada 10 orang dan tidak melebihi 15 orang. Setiap peserta hanya dibenarkan mewakili satu (1) kumpulan sahaja. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati terdapat peserta yang mendaftar melebihi daripada 1 kumpulan.
6. Setiap kumpulan diwajibkan untuk memakai pakaian tradisi / pakaian kebangsaan atau batik lengan panjang yang bersesuaian dengan tema pertandingan.
7. Lagu dan irama adalah digalakkan hasil ciptaan sendiri dan tidak menyentuh perkara yang melibatkan sensitiviti kaum, agama dan politik.

8. Pengangkutan, pakaian dan peralatan hendaklah disediakan oleh kumpulan sendiri.
9. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kematian yang menimpa mana-mana peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini.
10. Tempoh persembahan adalah **TIDAK MELEBIHI 10 MINIT** dan markah akan dipotong sekiranya melebihi masa yang ditetapkan.
11. Setiap kumpulan **wajib** menggunakan **tar/hadrah** sahaja dan **tidak dibenarkan menggunakan tambo** atau lain-lain alat muzik di dalam pertandingan ini.
12. Senikata lagu hadrah hendaklah disertakan bersama-sama borang penyertaan.
13. Peserta hendaklah melaporkan diri kepada urusetia **30 minit sebelum** pertandingan bermula dan wajib membawa kad pengenalan semasa pendaftaran.
14. Kriteria pemarkahan:
- | | |
|--------------------------------|---------------------|
| 14.1 Pukulan / paluan | = 30 markah |
| 14.2 Lagu / senikata / sebutan | = 30 markah |
| 14.3 Suara / harmoni | = 20 markah |
| 14.4 Persembahan dan busana | = 20 markah |
| Jumlah | = 100 markah |
15. Sebarang perkara yang timbul dan tidak tercatat dalam syarat-syarat penyertaan ini, pihak penganjur berhak untuk membuat keputusan dan keputusannya adalah muktamad.
16. Pihak penganjur berhak ke atas hasil karya setiap kumpulan yang menyertai pertandingan ini bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan dan seterusnya menjadikannya sebagai salah satu sumber rujukan umum di Pustaka Negeri Sarawak.

17. Pada **PERINGKAT AKHIR**, hanya **5 KUMPULAN** sahaja yang akan terpilih bagi setiap kategori.
18. Kumpulan yang memenangi tempat Pertama, Kedua dan Ketiga bagi setiap kategori akan menerima hadiah masing-masing pada **Majlis Penangguhan Karnival Sarawakiana 2016** yang akan diadakan pada **31 Oktober 2016**, jam 9.00 pagi bertempat di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak dan semua peserta diminta untuk berpakaian lengkap (seperti pada perkara 6). Juara bagi setiap kategori akan membuat persembahan pada majlis tersebut.
19. Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan daripada peserta sama ada secara lisan atau bertulis **TIDAK AKAN DILAYAN**.
20. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pegawai seranta berikut:
- | | |
|----------------------------|------------------------|
| 21.1 Encik Izaruddin Moss | 082-442000 (samb. 319) |
| 21.2 Puan Anita Hj. Hamdan | 082-442000 (samb. 263) |